

**KAJIAN KEBOLEHPASARAN DAN HALA TUJU GRADUAN
UCAM**

OLEH:

MUZALIFAH BT SIRAN
MALIAH BT ALWI
AZUAN BIN CHE LAH
ROHAINI BT K.MOHD
MOHD AZIZI BIN HAMID
SITI ZUBAIDAH BT KASIM
MOHD AMIRUDDIN BIN ALIAS

KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS MALAYSIA

2018

ISI KANDUNGAN

HALAMAN

KANDUNGAN	i
SENARAI RAJAH	iii
SENARAI JADUAL	iv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	2
1.4 Objektif Kajian	7
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	10
2.2 Hala tuju Graduan	10
2.3 Kebolehpasaran Graduan	11
2.3 Struktur Pengajian	12
2.4 Kemahiran Insaniah	13
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	15
3.2 Rekabentuk Kajian	15
3.3 Populasi, Sampel dan Instrumen Kajian	15
3.4 Analisis Data	20
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.1 Demografi Responden Graduan	21
4.2 Demografi Responden Majikan	22
4.3 Hala tuju Responden Graduan	25

4.3.1	Kelayakan Akademik Responden Graduan	25
4.3.2	Maklumat Pekerjaan Responden Graduan	26
4.3.3	Taburan Pekerjaan Mengikut Gred Purata Kumulatif (CGPA)	26
4.3.4	Taburan Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian	29
4.3.5	Taburan Status Pekerjaan Responden Graduan	32
4.4	Kebolehpasaran Graduan	33
4.4.1	Kemahiran Graduan	34
4.4.2	Pengetahuan	35
4.4.3	Kemahiran Insaniah	35
4.5	Struktur Pengajian	37

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Cadangan	40
5.2	Kesimpulan	42
5.3	Penutup	43

RUJUKAN	44
----------------	----

LAMPIRAN	47
-----------------	----

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
1	Pecahan responden graduan mengikut jantina dan tempat tinggal	21
2	Pecahan status latar belakang responden graduan	22
3	Pecahan status organisasi responden majikan	23
4	Pecahan jenis industri responden majikan	24
5	Pecahan kelayakan akademik responden graduan	25
6	Maklumat pekerjaan responden graduan	26
7	Taburan Status Pekerjaan Mengikut CGPA Responden Graduan	28
8	Taburan Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian	29
9	Taburan Status Pekerjaan Responden Graduan	32

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
1	Statistik Jumlah IPTS di Malaysia Sehingga 31 Januari 2018	3
2	Statistik Pelajar UCAM bergraduati	4
3	Bilangan Pelajar Bergraduati Dari Tahun 2004-2017	16
4	Pecahan Bahagian Soal Selidik Graduan	19
5	Pecahan Bahagian Soal Selidik Majikan	19
6	Skala Likert	20
7	Tafsiran Skor Min Skala Likert	33
8	Kemahiran Graduan dari perspektif responden majikan	34
9	Tahap Pengetahuan Graduan dari perspektif majikan	35
10	Kemahiran Insaniah Graduan dari perspektif majikan	35
11	Hasil analisis keseluruhan kebolehpasaran dari perspektif majikan	36
12	Struktur pengajian dari perspektif responden graduan	38
13	Hubungan Korelasi antara struktur pengajian dengan kebolehpasaran	39

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kebolehpasaran adalah isu yang seringkali menjadi persoalan utama bagi graduan sebaik sahaja menamatkan pengajian di peringkat tetinggi. Status sama ada bekerja atau tidak adalah ukuran yang menentukan kebolehpasaran graduan berkenaan. Ianya merupakan satu jaminan kelangsungan hidup mereka yang telah melalui proses pembangunan akademik dan sahsiah diri dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh institusi pengajian tinggi masing-masing. Banyak kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik mengenalpasti kebolehpasaran ini disebabkan beberapa faktor seperti kemahiran graduan (Sariwati dan Shatina, 2010; Noor Azina, 2011; Islam et.al, 2013), kesesuaian program yang ditawarkan di Institut Pengajian Tinggi (Mohd Yusof, 2014), kompetensi pensyarah dan kualiti pendidikan (Hanapi dan Nordin, 2014). Setiap institusi pengajian tinggi turut memandang serius perkara ini kerana kebolehpasaran graduan adalah cerminan prestasi mereka di pasaran kerja.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kebanjiran graduan mencetuskan masalah pengangguran dan pastinya menjejaskan kredibiliti seseorang graduan dalam mengungguli bidang pelajaran dan juga dunia pekerjaan. Tambah merisaukan apabila kelompok yang berpendidikan tinggi atau tertiar ini merupakan kumpulan terbesar dalam kelompok belia yang menganggur dengan kadar 15.3 peratus lebih tinggi berbanding yang tidak berpendidikan tinggi, (Jabatan Perangkaan Malaysia 2016). Ia jelas menunjukkan kadar pengangguran siswazah muda lebih tinggi berbanding bukan siswazah.

Menurut Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, daripada 238,187 graduan yang tamat pengajian pada tahun 2016, seramai 54,103 menganggur dalam tempoh enam bulan selepas mereka menamatkan pengajian mereka (Bernama, 2017).

Walaupun peratus pengangguran tersebut berkurang kepada 22.7 peratus berbanding 24 peratus pada tahun 2015, ia tetap membimbangkan kerana menimbulkan persepsi institusi pendidikan tinggi tidak dapat memberikan jaminan kerjaya kepada siswazah sedia ada.

Kajian Noorah Yusof dan Zakiah Jamaluddin (2017) mendapati kualiti siswazah yang ada kebanyakannya tidak dapat memenuhi keperluan yang dikehendaki oleh industri kerana tidak berupaya untuk memenuhi kehendak majikan dari segi kemahiran insaniah dan keboleherjaan. Laporan akhbar Berita Harian (2017) turut mengesyorkan agar graduan pada masa kini mesti mempunyai kebolehpayaan berubah pantas mengikut tuntutan masa dan keperluan kerja. Ini sesuai dengan pendapat penyelidik terdahulu yang mendapati dalam kajian masing-masing bahawa graduan-graduan sangat lemah dari segi prestasi di tempat kerja sedangkan organisasi memerlukan sumber manusia yang cekap agar dapat menangani perubahan persekitaran dengan cepat untuk mencapai matlamat organisasi (Rahmah et.al, 2011). Kajian daripada Azian dan Mun (2011) juga menyatakan kekurangan pengalaman kerja adalah faktor kedua paling banyak yang dilaporkan oleh Persatuan Majikan-Majikan Malaysia berkenaan graduan-graduan universiti selain daripada masalah komunikasi.

Yojana Sharma (2014) pula menyatakan majikan mahukan graduan-graduan dilatih mengikut keperluan tempat kerja serta diajar dengan kursus yang relevan dengan dunia pekerjaan sebenar. Persatuan Pengilang Malaysia (FMM) mendapati kurangnya latihan industri juga merupakan salah satu faktor penyebab ramai graduan menganggur. Maka tidak hairanlah institusi pengajian tinggi disaran menjalinkan kerjasama dengan pihak industri supaya graduan-graduan yang bakal lahir memperoleh kemahiran, pengalaman dan mempelajari nilai-nilai yang diperlukan dalam dunia pekerjaan sebenar.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Peningkatan institusi pengajian tinggi awam dan swasta di negara kita telah meningkatkan penghasilan siswazah saban tahun (Sinar Harian, 2016). Ini secara tidak langsung mencerminkan satu usaha yang padu dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan modal insan ke tahap yang paling tinggi.

IPTS (Kampus Utama Dan Cawangan)	Jumlah
Universiti	75
Kolej dan Kolej Universiti	416
Kampus Cawangan Universiti Luar Negara	9
Jumlah Keseluruhan	500

Jadual 1: Statistik Jumlah IPT di Malaysia Sehingga 31 Januari 2018

*Sumber: Pengurusan Pendidikan Tinggi Swasta, Kementerian Pendidikan Tinggi
Malaysia*

Statistik di atas menunjukkan jumlah institusi pengajian tinggi (IPT) sehingga Januari 2018. Dengan bilangan IPT yang tinggi iaitu sebanyak 500 buah menjadikan pengeluaran siswazah sentiasa bertambah dari masa ke semasa.

Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) juga turut sama dalam mencorakkan landskap pendidikan negara dengan menghasilkan graduan dari tahun ke tahun melalui 20 program yang ditawarkan. Dari tahun 2004 sehingga 2017 seramai 6,244 orang graduan telah pun bergraduasi daripada 15 program yang ditawarkan (jadual 2)

Tahun	Bilangan Bergraduats
2004	287
2005	150
2006	200
2007	205
2008	227
2009	248
2010	237
2011	319
2012	356
2013	685
2014	736
2015	738
2016	1104
2017	768
Jumlah	6,244

Bil	Program
1	Diploma Sains Pertanian
2	Diploma Pengurusan Ladang
3	Diploma Pengeluaran Ternakan
4	Diploma Pengurusan Landskap
5	Diploma Perniagaantani
6	Diploma Perakaunan
7	Diploma Keusahawanan
8	Diploma E-Perniagaan
9	Diploma Pengurusan Ladang (UiTM)
10	Diploma Pengurusan Perniagaan(UPM)
11	Diploma Pertanian (UPM)
12	Diploma Sains Komputer (DSK)
13	Sijil Sains Pertanian
14	Sijil Pengurusan Perniagaan
15	Sijil Sains Komputer

Jadual 2: Statistik Pelajar UCAM bergraduats

Dari satu sudut ia mencerminkan tahap pendidikan yang sangat baik kepada negara kerana dapat melahirkan modal insan yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. Walau bagaimanapun tahap pendidikan yang tinggi ini tidak memberi jaminan kepada generasi muda serta golongan siswazah untuk mendapat pekerjaan setimpal dengan kelayakan yang dimiliki. Ia sedikit sebanyak menjejaskan peluang dan masa depan mereka membina kerjaya dan kehidupan yang diinginkan.

Faktor lain yang dilihat boleh mengekang kebolehpasaran graduan ini adalah kurangnya kemahiran berbahasa Inggeris. Isu lambakan siswazah dalam pasaran buruh

turut juga berkait dengan struktur guna tenaga di negara ini yang lebih banyak tertumpu dalam jenis pekerjaan yang tidak memerlukan lulusan di peringkat tertiar.

Selain itu salah satu syarat yang diletakkan oleh majikan dalam membuat pemilihan pekerja ialah kemahiran teknikal dan pengalaman kerjadalaman bidang yang berkaitan. Justeru menurut Abd Hair Awang, Azimi Hamzah, Rahmah Ismail dan Jegak Uli (2008) dalam Rozita Ali (2010), pelajar seharusnya diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam pelaksanaan sesuatu kerja yang berkaitan dengan bidang mereka. Ini penting kerana ia dilihat sebagai satu inisiatif memperkasa pelajar dalam kompetensi yang diperlukan. Maka itu, latihan industri juga dipandang sebagai alat yang membezakan kedudukan seorang graduan. Menerusi latihan industri, ia sekurang-kurangnya membantu penuntut menerima input berguna dalam bidang berkaitan lebih awal sebelum memulakan kerjaya tetap. Sebagai penuntut, ini adalah peluang keemasan turun ke gelanggang dan melihat secara dekat perjalanan kerja berkaitan bidang mereka. Latihan industri adalah pembangunan dua hala iaitu kepada majikan dan pelajar, di mana para pelajar akan belajar perkara baru manakala majikan pula akan belajar membuat keputusan berdasarkan logik yang munasabah dan teratur (Omar et.al 2008).

Menurut Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2016 yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi menunjukkan kadar purata kebolehpasaran graduan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia dalam tempoh lima tahun mulai 2012 hingga 2016 mencatatkan peningkatan sebanyak 2.8 peratus dengan graduan Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) menunjukkan peningkatan kebolehpasaran yang memberangsangkan. Politeknik dan Kolej Komuniti adalah merupakan contoh institusi TVET yang mewajibkan graduan mereka menjalani latihan industri sebelum menamatkan pengajian mereka. Ini secara umumnya menjelaskan trend majikan mengambil graduan yang mempunyai latar belakang akademik dan kemahiran-kemahiran lain yang melengkapkan graduan di pasaran kerja.

Ini selaras dengan hasil kajian kebanyakan pengkaji yang berpendapat graduan-graduan institusi pengajian tinggi mestilah dilengkapi dengan kemahiran insaniah yang

merangkumi kemahiran teras, kemahiran berfikir, kemahiran personal, kemahiran keusahawanan dan kemahiran komunikasi (Nurkaliza Khalid, Noor Fadzilah Abdul Rahman dan Rafiza Kasbun, 2016). Ini kerana kecenderungan majikan mengutamakan graduan yang memiliki kemahiran insaniah (Shaharuddin et.al. 2011) Majikan berpandangan bahawa para pekerja yang mempunyai kemahiran insaniah akan dapat menyesuaikan diri dengan semua jenis pekerjaan dan bersifat serba boleh.

Sehubungan itu kajian ini bertujuan mengkaji hala tuju dan kebolehpasaran graduan Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) di pasaran kerja. Struktur pengajian dan kemahiran insaniah sebagai pelengkap graduan juga akan dilihat untuk menilai fungsinya dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan.

1.4 OBJEKTIF DAN KEPENTINGAN KAJIAN

Sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi yang turut sama mencorakkan lanskap pendidikan negara, maka UCAM juga berhasrat untuk mengkaji kebolehpasaran graduan UCAM di pasaran kerja. Sehubungan itu objektif kajian ini adalah seperti berikut

1.4.1 OBJEKTIF KAJIAN

- a) Mengkaji hala tuju graduan UCAM selepas bergraduasi
- b) Mengkaji kebolehpasaran UCAM selepas tamat pengajian
- c) Menganalisis struktur program sedia ada yang memberi kesan langsung terhadap kebolehpasaran graduan.

1.4.1 PERSOALAN KAJIAN

- a) Adakah hala tuju graduan UCAM selepas bergraduasi?
- b) Adakah graduan UCAM boleh dipasarkan selepas tamat pengajian?
- c) Adakah struktur program sedia ada memberi kesan langsung kepada kebolehpasaran graduan?

1.4.2 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian ini boleh membantu UCAM dalam merangka strategi bersesuaian untuk mempromosi UCAM kepada pihak-pihak yang berkepentingan di luar seperti ibu bapa dan juga industri. Selain untuk tujuan promosi, kajian ini juga secara khususnya membolehkan bahagian dan unit-unit tertentu di dalam UCAM menilai dan merancang langkah-langkah yang bersesuaian untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan-graduan UCAM.

i. Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA)

Pihak BHEA UCAM boleh menilai semula kurikulum program yang ditawarkan agar memenuhi kehendak majikan dan pasaran selain memenuhi kriteria yang ditetapkan

oleh Kementerian Pendidikan Tinggi khususnya berkaitan kemahiran insaniah. Ini bagi memastikan pelajar-pelajar berkenaan mendapat kemahiran yang bersesuaian serta menjalani tempoh latihan industri yang cukup serta kredit yang bersesuaian sebelum bergraduasi agar setimpal dengan masa, tenaga dan kos yang diperuntukkan. Penilaian semula kurikulum secara berkala membolehkan program dan kursus-kursus yang relevan ditawarkan kepada para pelajar supaya kadar kebolehpasaran graduan ini adalah tinggi selepas mereka bergraduasi.

ii. Unit Latihan Industri dan Kerjaya UCAM (ULIK)

Kajian kebolehpasaran berkait rapat dengan latihan industri yang dijalankan oleh para pelajar. Ini kerana pelajar-pelajar menimba ilmu secara tidak formal (luar bilik kelas) daripada pihak majikan industri bagi melengkapkan kurikulum pengajian mereka. Maka dengan itu Unit Latihan Industri (ULIK) boleh merangka dan menyusun strategi mencari organisasi-organisasi seperti Syarikat Milikan RISDA dan lain- lain lagi yang boleh memberi sumbangan kepakaran dan jaminan tempat latihan kepada pelajar-pelajar UCAM. Kerjasama dua hala dengan pihak industri ini sangat penting kepada UCAM kerana ia dapat menyalurkan maklumat berkaitan keperluan masa kini di pasaran kerja selain menyediakan latihan secara langsung kepada bakal graduan.

iii. Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA)

BHEPA boleh menjalankan aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan kemahiran pelajar sama ada dari segi komunikasi, kepimpinan, tanggungjawab, jati diri dan lain-lain. Selain itu BHEPA juga boleh bertindak sebagai perantara dalam menjalinkan hubungan baik dengan pihak industri kerana pelajar-pelajar yang mengikuti ko-kurikulum dan menjalankan latihan industri membawa nama dan imej kolej universiti. Semakin banyak program dan aktiviti pelajar bermakna semakin banyaklah pengetahuan dan pengalaman luar yang diperolehi (*tacit knowledge*) bagi melengkap dan mempersiapkan mereka ke dunia luar.

iv. Pihak Berkuasa RISDA

Selain memberi faedah kepada UCAM, kajian ini juga secara umumnya akan dapat membantu Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menerusi pihak

berkuasa RISDA dalam membangunkan modal insan di kalangan masyarakat bandar dan luar bandar melalui pendidikan, latihan dan kemahiran agar dapat membasmi kemiskinan tegar, mengurangkan kemiskinan keseluruhan dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup isirumah. Sebagai pihak berkuasa yang mempunyai objektif membantu meningkatkan taraf hidup pekebun kecil, maka kerjasama UCAM dan RISDA adalah sangat strategik kerana bersama-sama menyediakan landasan pendidikan dan bantuan yang sesuai kepada generasi kedua pekebun kecil dalam meningkatkan potensi diri ke arah yang lebih baik. Ini secara langsung menunjukkan nilai keprihatinan dan tanggungjawab sosial yang sangat baik oleh pihak berkuasa RISDA.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Lambakan graduan di pasaran kerja dan graduan kurang daya adaptasi kepada pasaran kerja yang berubah juga merupakan ancaman kepada usaha meningkatkan kebolehpasaran. Menurut Kahirol Mohd Salleh, et al. (2010) graduan-graduan haruslah mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran di persekitaran pekerjaan kerana apabila berlaku perubahan ekonomi, teknologi dan pasaran menuntut perubahan pengetahuan dan kemahiran pekerja secara automatik. Menurut kajian yang dijalankan oleh pihak Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), lima faktor yang menyebabkan graduan sukar untuk mendapatkan pekerjaan iaitu kekurangan kemahiran dan pengalaman kerja, ketidaksepadanan antara keperluan industri dengan bidang pengajian graduan, kurang keupayaan untuk berkomunikasi dengan baik terutamanya dalam Bahasa Inggeris, sikap negatif sesetengah graduan terhadap pekerjaan dan kurangnya kesedaran tentang kewujudan berbagai-bagai peluang pekerjaan.

2.2 HALA TUJU GRADUAN

Halatuju graduan bermula selepas pelajar bergraduasi di sesebuah institusi pengajian tinggi di mana graduan tersebut akan menempuh dalam bidang pekerjaan atau meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Graduan yang dihasilkan oleh institusi pengajian tinggi akan memenuhi pasaran kerja sama ada bekerja dalam sektor kerajaan mahupun swasta. Menurut Amla (2011), halatuju graduan dalam bidang pekerjaan bagi memenuhi jawatan yang ditawarkan merupakan satu proses permulaan graduan membina kerjaya dan kesejahteraan diri mereka. Sehubungan itu perancangan kerjaya itu haruslah dimulai sebaik memulakan pengajian dan mestilah seiring dengan kursus yang diikuti. Manakala Ahmad, Ali dan Hamzah (2011) menyatakan halatuju graduan ke arah sektor pekerjaan merupakan salah satu ukuran kebolehpasaran graduan yang dihasilkan oleh

institusi pengajian tinggi. Muhammad Hazrul Ismail (2012) pula menyatakan proses pencarian kerja yang sesuai dengan latihan yang diterima dan aspirasi diri, ketidakcekapan perkhidmatan pekerjaan, kesediaan sokongan pendapatan keluarga dan keutamaan individu atau keluarga merupakan antara faktor yang menyebabkan graduan secara sukarela kekal menganggur dan mengambil masa yang lama untuk bekerja.

2.3 KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Menurut Yorke (2006) Kebolehpasaran merupakan satu set pencapaian yang mengandungi kemahiran, kefahaman dan ciri-ciri graduan yang membolehkan graduan mendapat pekerjaan, berjaya dalam pekerjaan yang dipilih dan seterusnya memberi manfaat kepada diri sendiri, tenaga kerja, komuniti dan ekonomi. Ia bukanlah melibatkan keputusan akademik semata-mata malahan lebih daripada itu iaitu sikap dan potensi diri yang akan dipasarkan. Sedemikian, kebolehpasaran memerlukan tindakan proaktif, sikap pengurusan diri dan kerjaya di kalangan graduan sebagai ikhtiar untuk mendapatkan kerjaya yang diinginkan selepas tamat pengajian (Clarke, 2008).

Di Malaysia ramai pengkaji turut membangunkan modul dan model kemahiran pekerjaan. Kajian-kajian terkini termasuk kajian Rasul et al. (2013), Hanapi dan Nordin (2014), dan Yusoff et al. (2012). Rasul et al. (2013) telah membina satu instrumen bagi mengukur kemahiran pekerjaan di kalangan majikan sektor pembuatan. Kajian mereka juga mendapati bahawa graduan perlu mempunyai dua jenis kemahiran, iaitu kemahiran pekerjaan dan kemahiran teknikal. Dalam pada itu, Yusoff et al. (2012) juga telah membina satu instrumen bagi mengukur kemahiran pekerjaan bagi jurutera-jurutera baru di daerah Kelang. Kajian tersebut mendapati bahawa kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi dan kerja berpasukan lebih penting dari kemahiran teknikal. Kamaruddin (2010) serta Tan dan Nor Hazwin (2010) mempersoalkan sama ada graduan-graduan yang dihasilkan oleh institusi pengajian tinggi dapat memenuhi kehendak majikan pada masa kini. Muhammad Hazrul Ismail (2012) dalam kajiannya mendapati wujudnya kekurangan di dalam prestasi kerja sebenar para graduan dengan prestasi yang diharapkan oleh para majikan.

2.4 STRUKTUR PENGAJIAN

Struktur pengajian merupakan kandungan pengajian yang ditawarkan kepada para pelajar merangkumi jam kredit dan kursus-kursus bagi melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian dengan program yang diambil atau dipilih oleh pelajar. Kurikulum pengajian ini merupakan pengaruh penting dalam mencorak laluan kerjaya pelajar (Noorah Yusof dan Zakiah Jamaluddin (2017).

Selain daripada kursus teras program, kursus-kursus wajib universiti dan ko-kurikulum ber kredit juga mesti diambil oleh pelajar sebagai memenuhi keperluan pengajian sebelum penganugerahan sijil, diploma dan ijazah diberikan. Latihan industri juga merupakan salah satu keperluan wajib bagi para pelajar sebelum menamatkan pengajian mereka. Walau bagaimanapun ianya tertakluk kepada struktur dan keperluan sesuatu program. Menurut Kementerian Pengajian Tinggi (2010), latihan industri merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah organisasi untuk menjalankan latihan praktikal yang diselia dalam industri yang dipilih, sama ada di luar ataupun di dalam negara, dalam jangka masa yang ditetapkan sebelum mereka dianugerahkan Sijil, Diploma atau Ijazah Sarjana Muda. Tempoh latihan industri bergantung kepada program pengajian dan juga IPT yang melaksanakannya. Kementerian mencadangkan tempoh terkumpul bagi latihan industri tidak kurang daripada tiga (3) bulan atau tempoh yang ditetapkan oleh mana-mana badan profesional yang mempunyai kuasa menganugerah akreditasi. Pelajar-pelajar mesti menjalani program latihan industri di organisasi yang disahkan oleh fakulti dalam bidang yang berkaitan dengan pengajian

Persetujuan antara pihak IPT dengan hos organisasi (organisasi yang menerima pelajar untuk latihan industri) adalah perlu untuk menentukan tugas spesifik pelajar yang menjalani latihan industri yang berkaitan. Skop tugas harus memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari serta mendapat pendedahan amalan kerja dalam bidang pengkhususan masing-masing.

Ianya merupakan pendedahan awal kepada pelajar sebelum memasuki alam pekerjaan setelah menamatkan pengajian. Pelajar biasanya mengambil aliran yang berkaitan dengan kursus semasa menjalani praktikal untuk memastikan ilmu yang diperolehi dapat dimanfaatkan pada masa hadapan. Antara objektif utama latihan industri adalah untuk memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran akademik dalam alam pekerjaan sebenar (Sharifah Hana Abd Rahman.et.al; 2015).

2.5 KEMAHIRAN INSANIAH

Kearns, P. (2001) mendefinisikan kemahiran insaniah sebagai kemahiran yang boleh digunapakai merentasi pelbagai pekerjaan. Ia termasuk kemahiran kompetensi tapi menjangkau lebih lagi termasuk kognitif, kemahiran personal dan interpersonal yang relevan dengan kebolehpasaran kerja. Zalizan Jelas dan Norzaini Azman, (2006) mendefinisikan kemahiran insaniah sebagai kemahiran teras yang diperlukan pelajar dalam meningkatkan kemahiran diri dan keupayaan individu dalam pelbagai bidang sewaktu bekerja. Kemahiran ini merangkumi kemahiran komunikasi, kemahiran melibatkan nombor, kemahiran pengurusan maklumat dan penggunaan teknologi, kemahiran belajar dalam kumpulan dan kemahiran pengurusan projek. Menurut Faridah et.al (2010) kesemua kemahiran insaniah yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi adalah selari dengan yang yang dikehendaki oleh majikan. Kemahiran-kemahiran berkenaan adalah kemahiran komunikasi, kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional dan kemahiran kepimpinan.

Muhammad Hazrul Ismail (2012) menyatakan majikan mahukan graduan yang mempunyai aspek kemahiran berfikir seperti bijak mencari alternatif bagi membaiki prestasi organisasi, kemahiran komunikasi dan interpersonal seperti menyampaikan pandangan yang boleh meyakinkan orang lain. Selain itu kemahiran berkaitan teknologi maklumat yang meliputi kemahiran menggunakan pemprosesan data seperti Microsoft Excel, kebolehan mencari maklumat berkaitan tugas menerusi internet, kebolehan mempersembahkan maklumat dengan audio visual seperti Power Point dan kemahiran

menggunakan pemrosesan perkataan seperti Microsoft Word turut menjadi keutamaan majikan. Majikan meletakkan aspek keperibadian dan sahsiah diri sebagai kriteria penting dalam pertimbangan untuk mengisi jawatan dalam organisasi mereka tanpa mengambilkira sama ada graduan memperolehi kelulusan dari institusi awam ataupun swasta. Nurkaliza Khalid, Noor Fadzilah Abdul Rahman dan Rafiza Kasbun, (2016) menjelaskan dalam kajiannya bahawa perubahan permintaan daripada majikan sekarang memerlukan pelajar yang bukan hanya cemerlang dari segi akademik tetapi mereka turut berkemampuan untuk berfungsi dan menyesuaikan diri dalam sesebuah organisasi.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini menerangkan kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini. Penerangan ini melibatkan reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, teknik persampelan, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian dan pentadbiran kajian

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Menurut Mohd Najib (2003), metodologi adalah merujuk kepada tatacara melaksanakan kajian. Reka bentuk kajian pula merupakan pelan tindakan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan (Sabitha, 2006). Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan kekerapan, peratusan dan min untuk mengkaji kebolehpasaran dan hala tuju graduan UCAM selepas bergraduat.

3.3 POPULASI, SAMPEL DAN INSTRUMEN KAJIAN

3.3.1 Populasi

Populasi kajian ini terdiri adalah daripada graduan-graduan UCAM yang telah menamatkan pengajian mereka antara tahun 2004 hingga 2017. Daripada statistik graduan UCAM bergraduat dari tahun 2004 hingga 2017, seramai 6,244 graduan telah pun menamatkan pengajian dalam program masing-masing iaitu daripada 20 program pengajian yang telah ditawarkan oleh UCAM.

Bil	Program	Tahun														Jumlah
		2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	
1	Bachelor of Agriculture Science (Hons.)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2	Bachelor of Landscape Management (Hons.)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
3	Sarjana Muda Teknologi Perniagaan (Kepujian) Pengurusan Keusahawanan Komputer (UniKL)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
4	Diploma Sains Pertanian	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	259	146	405
5	Diploma Pengurusan Ladang	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	36	67	103
6	Diploma Pengeluaran Ternakan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	17	17
7	Diploma Pengurusan Landskap	-	-	-	-	-	-	-	-	95	206	347	315	358	305	1,626
8	Diploma Perniagaantani	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	29	65	16	94
9	Diploma Perakaunan	-	-	-	-	13	15	13	23	8	19	30	18	40	19	198

10	Diploma Keusahawanan	-	-	-	-	7	11	8	25	11	9	16	7	6	1	101
11	Diploma Rangkaian Komputer	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
12	Diploma E-Perniagaan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	8	4	12
13	Diploma in English for Communication	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
14	Diploma Pengurusan Ladang (UiTM)	-	-	-	-	-	-	-	27	50	65	93	112	152	71	570
15	Diploma Pengurusan Perniagaan (UPM)	12	15	29	25	35	47	41	51	48	36	74	85	86	42	626
16	Diploma Pertanian (UPM)	-	-	-	69	68	89	100	136	85	57	29	7	-	-	640
17	Diploma Sains Komputer (DSK)	27	53	68	92	29	31	4	19	17	18	7	-	-	-	365
18	Sijil Sains Pertanian	-	-	-	-	-	-	-	-	11	234	120	133	94	76	668
19	Sijil Pengurusan Perniagaan	33	9	42	12	44	27	45	38	27	38	16	14	-	4	349
20	Sijil Sains Komputer	215	73	61	7	31	28	26	-	4	3	4	18	-	-	470
Jumlah		287	150	200	205	227	248	237	319	356	685	736	738	1104	768	6,244

Jadual 3: Bilangan Pelajar Bergraduati Dari Tahun 2004-2017

Sumber: Unit Pengambilan Dan Rekod Pelajar UCAM (UPRP)

3.3.2 Sampel

Menurut Krejcie and Morgan (1970), untuk populasi bersaiz 6,000, bilangan sampel bersaiz 361 adalah mencukupi untuk tujuan penyelidikan. Bagi kajian hala tuju dan kebolehpasaran graduan UCAM ini, penyelidik telah mendapatkan 370 responden untuk mewakili populasi graduan yang telah bergraduat.

Selain itu penyelidik juga telah mendapatkan maklumbalas daripada pihak industri atau majikan dengan menggunakan kaedah Persampelan Bertujuan (*purposive sampling*) untuk melihat kebolehpasaran graduan UCAM dari perspektif majikan. Menurut Ma.Dolores C.Tongco (2007), persampelan bertujuan ini melibatkan pemilihan sampel yang dibuat berdasarkan pertimbangan tertentu. Penyelidik telahpun mengedarkan borang soal selidik kepada 90 majikan yang dilaporkan oleh responden graduan dan telah menerima maklumbalas sebanyak 56 responden majikan untuk tujuan berkenaan.

3.3.3 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Menurut Sekaran dan Bougie (2010), borang soal selidik adalah kaedah pengumpulan data paling sesuai digunakan apabila bilangan respondennya besar dan terdiri dari pelbagai kawasan. Borang soal selidik ini diedarkan kepada semua responden. Kebanyakan item daripada soalan soal selidik yang digunakan adalah daripada penyelidikan lepas yang telah dibuat di tempat lain. Walau bagaimanapun, beberapa perubahan dibuat dalam soal selidik mengikut kesesuaian objektif kajian.

3.3.4 Rekabentuk Soal-selidik

Borang soal selidik telah dirangka dan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu borang soal selidik bagi graduan dan borang soal selidik bagi majikan. Borang soal

selidik graduan mempunyai empat bahagian (Jadual 4) manakala borang soal selidik majikan mempunyai tiga bahagian (Jadual 5).

Bahagian A	Latar Belakang Responden
Bahagian B	Kebolehpasaran
Bahagian C	Struktur Pengajian
Bahagian D	Kemahiran Insaniah

Jadual 4: Pecahan Bahagian Soal Selidik Graduan

Bahagian A	Latar Belakang Responden
Bahagian B	Kebolehpasaran
Bahagian C	Cadangan Majikan

Jadual 5: Pecahan Bahagian Soal Selidik Majikan

Maklumat peribadi yang dikumpul daripada graduan adalah seperti tempat tinggal, jantina, bangsa, status anak pekebun kecil, tahun bergraduasi, kelayakan akademik, bidang pengajian, status pekerjaan beserta dengan pendapatan kasar bulanan.

Bagi bahagian B, C dan D dalam borang soal selidik, Skala Likert digunakan untuk menilai maklum balas daripada kedua-dua responden graduan dan majikan. Skala tersebut mengandungi lima (5) tahap jawapan seperti di Jadual 6. Skala 1 mewakili jawapan paling minima manakala skala 5 mewakili jawapan paling maksima

Skala	Keterangan Jawapan
1	Sangat Tidak Bersetuju (STS)
2	Tidak Bersetuju (TS)
3	Neutral (N)
4	Setuju (S)
5	Sangat Bersetuju (SS)

Jadual 6: Skala Likert

Maklumat latar belakang yang dikumpul dari borang soal selidik majikan ialah bilangan graduan yang bekerja, status dan jenis organisasi berkenaan. Bahagian akhir dalam borang berkenaan mengandungi soalan yang berbentuk subjektif. Responden majikan boleh memberi pendapat atau cadangan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan UCAM dalam pasaran kerja.

3.4 ANALISIS DATA

Data kuantitatif yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS dan ujian hubungkait untuk melihat hubungan elemen-elemen di dalam borang soal selidik. Statistik deskriptif digunakan bagi menerangkan ciri-ciri sampel atau kombinasi pemboleh ubah. Statistik yang digunakan terdiri daripada analisis kekerapan, peratus dan min. Data kajian kebolehpasaran graduan ini dianalisis menggunakan skor nilai min sepertimana yang telah digunakan oleh Riam Chau Mai (2012), Lim dan Mustafa (2013).

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 DEMOGRAFI RESPONDEN GRADUAN


Dapatan demografik responden merangkumi maklumat berkaitan bilangan responden di kalangan graduan seperti maklumat jantina, bangsa, tempat tinggal dan status graduan yang terdiri dari anak pekebun kecil.

Jumlah responden graduan UCAM bergraduat menjawab soal selidik dalam kajian ini adalah seramai 370 orang . Bilangan responden graduan lelaki adalah seramai 126 orang iaitu sebanyak 34% manakala 244 orang responden iaitu 66% terdiri daripada graduan perempuan (Rajah 1). Daripada keseluruhan responden, sebanyak 99.7% terdiri daripada bangsa melayu iaitu seramai 369 orang, manakala 0.3% terdiri daripada lain-lain, iaitu seramai 1orang graduan sahaja.



Rajah 1: Pecahan responden graduan mengikut jantina dan tempat tinggal


Dapatan juga menunjukkan paling ramai 57% iaitu 210 responden graduan tinggal di luar bandar manakala 43% iaitu 160 responden graduan tinggal di bandar. Selain daripada itu, seramai 101 responden graduan iaitu 27% daripada 370 orang adalah terdiri daripada anak-anak pekebun kecil (Rajah 2)



Rajah 2: Pecahan Status Latar Belakang Responden Graduan


4.2 DEMOGRAFI RESPONDEN MAJIKAN

Dapatan demografi responden di kalangan majikan adalah terdiri daripada maklumat berkaitan bilangan responden, status organisasi, jenis industri dan juga bilangan graduan UCAM yang bekerja dalam organisasi berkenaan. Sebanyak 90 borang soal selidik telah diposkan kepada majikan graduan untuk tujuan kajian ini. Jumlah responden di kalangan majikan yang menjawab soal selidik kajian adalah sebanyak 56 buah syarikat (Rajah 3). Peratusan responden majikan yang menjawab soal selidik ini adalah sebanyak 62%.



Rajah 3: Pecahan Status Organisasi Responden Majikan

Status organisasi daripada responden majikan ini dibahagikan kepada empat status iaitu swasta, badan berkanun, kerajaan dan pihak berkuasa tempatan. Jumlah yang paling tinggi adalah dari organisasi swasta iaitu 27 buah syarikat (48%), diikuti dengan organisasi kerajaan sebanyak 15 organisasi (27%), badan berkanun sebanyak 11 organisasi (20%) dan responden dari pihak berkuasa tempatan sebanyak 3 buah (5%). Secara keseluruhannya responden graduan lebih banyak bekerja dengan organisasi swasta berbanding dengan organisasi yang lain-lain.




Rajah 4: Pecahan Jenis Industri Responden Majikan

Bagi jenis industri responden majikan (Rajah 4), sebanyak 27 (48%) organisasi adalah terdiri dari lain-lain jenis industri yang disenaraikan. Lain-lain industri yang dinyatakan adalah seperti landskap, penguatkuasaan, perkhidmatan, pendidikan kanak-kanak dan lain-lain lagi. Sebanyak 18 (32%) responden majikan adalah dari bidang pertanian dan perladangan, 7 (12%) dari bidang perdagangan dan perkhidmatan. Dari bidang teknologi pula sebanyak 2 (4%) organisasi dan dari barangan industri serta hartanah adalah sebanyak 1 (2%) syarikat. Dapatan ini menunjukkan responden graduan bekerja dalam pelbagai bidang dan cabang pekerjaan. Namun begitu bidang yang paling banyak responden graduan bekerja adalah bidang pertanian dan perladangan. Berdasarkan dapatan juga menunjukkan tidak ada responden graduan yang bekerja dalam bidang pembinaan, pelancongan dan hospitaliti (0%).

4.3 HALA TUJU RESPONDEN GRADUAN

4.3.1 Latar Belakang Akademik Graduan

Bahagian ini membincangkan latar belakang responden graduan untuk mengetahui maklumat seperti kelayakan akademik, bidang pengajian dan keputusan akademik responden. Perkara ini mungkin merupakan faktor yang mempengaruhi status dan pekerjaan graduan secara keseluruhan. Kelayakan akademik bagi responden graduan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu sijil, diploma dan ijazah.




Rajah 5: Kelayakan akademik responden graduan

Rajah 5 menunjukkan pecahan latar belakang kelulusan akademik bagi responden graduan yang terlibat. Kelayakan akademik keseluruhan responden graduan dalam kajian ini, mendapati sebanyak 335 responden (91%) mempunyai kelulusan diploma, 24 graduan(6%) mempunyai ijazah dan baki 11 orang (3%) adalah dari sijil. Dapatan daripada kelayakan akademik ini menunjukkan responden graduan lulusan diploma adalah yang paling banyak memberi maklumbalas dengan kajian ini.

4.3.2 Maklumat Pekerjaan Graduan

Berdasarkan rajah 6 di bawah, dapatan kajian menunjukkan 251 (68%) responden graduan telah pun mendapat pekerjaan. 88 responden graduan (21%) belum bekerja manakala 40 responden graduan (11%) menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.



Rajah 6: Pecahan hala tuju responden graduan

Keseluruhan dapatan ini menunjukkan responden graduan mempunyai hala tuju yang jelas iaitu mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian masing-masing. Ini menepati pendapat yang dikemukakan oleh Amla (2011), yang menyatakan halatuju graduan dalam bidang pekerjaan bagi memenuhi jawatan yang ditawarkan adalah satu proses permulaan graduan membina kerjaya dan kesejahteraan diri mereka.


4.3.3 Taburan Pekerjaan Mengikut Gred Purata Kumulatif (CGPA)

Rajah 7 di bawah menunjukkan taburan maklumat pekerjaan responden graduan mengikut keputusan akademik Gred Purata Kumulatif (CGPA). Empat kumpulan gred

CGPA telahpun dinyatakan melalui maklumat pekerjaan responden graduan yang didapati dari borang soal selidik. Daripada maklumat graduan yang bekerja, seramai 18 responden (7%) mempunyai keputusan CGPA 2.00-2.49, 79 responden (31%) pula mendapat keputusan CGPA 2.50-2.99. Seramai 47 responden (19%) mendapat keputusan CGPA cemerlang iaitu 3.50-4.00 dan jumlah responden yang paling banyak iaitu 107 graduan (43%) mempunyai keputusan CGPA yang baik iaitu 3.00-3.49. Dapatan ini menunjukkan responden yang mempunyai keputusan CGPA yang baik lebih ramai dan mudah diterima bekerja.


Bagi responden graduan yang belum bekerja, 4 orang(5%) mempunyai keputusan CGPA yang rendah iaitu 2.00-2.49, 37 responden (42%) pula mendapat keputusan akademik CGPA antara 2.50-2.99. Seramai 39 responden (44%) yang belum bekerja terdiri dari kalangan mereka yang mendapat keputusan CGPA yang baik iaitu 3.00-3.49 dan seramai 8 orang responden pula mempunyai keputusan CGPA yang cemerlang iaitu 3.50-4.00. Dapatan dari kajian ini menunjukkan responden graduan yang mempunyai keputusan CGPA yang baik adalah paling ramai yang belum bekerja. Antara faktor yang mungkin menyebabkan kumpulan responden ini belum bekerja adalah pemilihan kerja yang sesuai dengan aspirasi diri. Ini menyebabkan mereka sanggup menunggu lama untuk mendapatkan pekerjaan yang benar-benar sesuai dengan jiwa mereka. Keutamaan terhadap keluarga juga boleh menjadi punca responden graduan ini tidak bekerja.

Responden graduan yang menyambung pengajian pula menunjukkan majoriti mempunyai keputusan CGPA 3.00 dan ke atas iaitu masing masing seramai 14 orang (35%) bagi 3.00-3.49 dan 3.50-4.00. Ini jelas menunjukkan responden graduan berkenaan mempunyai matlamat yang lebih tinggi dengan meningkatkan kelayakan akademik masing-masing. Terdapat juga 11 responden (28%) yang menyambung pengajian dengan keputusan CGPA 2.50-2.99 dan seorang responden lagi (2%) mempunyai keputusan CGPA 2.00-2.49. Dapatan ini menunjukkan walaupun keputusan akademik yang rendah namun responden mempunyai iltizam yang kuat untuk meningkatkan kemahiran dan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi



Rajah 7: Taburan Maklumat Pekerjaan Mengikut CGPA Responden Graduan

4.3.4 Taburan Pekerjaan Responden Mengikut Bidang Pengajian



Rajah 8 Taburan Pekerjaan Mengikut Bidang Pengajian

Rajah 8 di atas menunjukkan taburan maklumat pekerjaan mengikut bidang pengajian. Terdapat enam bidang yang dinyatakan dalam borang soal selidik graduan iaitu perniagaan, perakaunan, landskap, pertanian, perladangan dan komputer. Dalam bidang perniagaan, 27 responden (39%) bekerja mengikut bidang, manakala 31 orang (45%) bekerja bukan dalam bidang. 6 responden (9%) belum bekerja dan baki 5 responden (7%) sambung pengajian.

Bagi responden graduan perakaunan pula, 8 orang (24%) bekerja dalam bidang, 14 graduan (42%) bekerja bukan dalam bidang, 4 orang (12%) belum bekerja manakala 7 orang (21%) menyambung pengajian. Responden graduan landskap pula mencatatkan jumlah paling ramai memberi maklumbalas kajian iaitu seramai 121 orang. Daripada

jumlah berkenaan, 28 orang (23%) bekerja dalam bidang, 39 orang (32%) bekerja bukan dalam bidang, 46 orang (38%) belum bekerja dan 8 orang (7%) menyambung pengajian.

Bagi graduan pertanian , 24 orang (28%) bekerja dalam bidang, 30 orang (34%) bekerja bukan bidang, 18 orang (21%) belum bekerja dan 15 orang (17%) menyambung pengajian. Graduan perladangan yang bekerja dalam bidang adalah seramai 10 orang (22%) manakala bekerja bukan dalam bidang seramai 19 orang (41%). Bilangan belum bekerja adalah seramai 12 orang (26%) dan 5 orang (11%) pula menyambung pengajian. Responden graduan komputer yang bekerja dalam bidang dan bukan bidang mencatatkan nilai yang sama iaitu seramai 7 orang (50%).


Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan kesemua responden graduan dalam bidang komputer berjaya mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian. Ini memberi gambaran bidang ini mempunyai prospek yang cerah kerana kebanyakan sektor pekerjaan di zaman teknologi digital sekarang memerlukan graduan bidang ini untuk meningkatkan kecekapan organisasi atau syarikat dalam menguruskan aktiviti harian menggunakan sistem tertentu. Ini juga selaras dengan kajian kedudukan Senarai Kritikal (COL) 2016/2017 oleh TalentCorp dan Institut Maklumat & Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) yang menyenaraikan bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) sebagai kedua tertinggi mendapat permintaan.

Begitu juga graduan dalam bidang perakaunan mencatatkan jumlah yang belum bekerja paling kecil iaitu 4 orang sahaja. Ini kerana program ini turut memberikan kemahiran komputer kepada pelajar-pelajarnya melalui subjek perakaunan berkomputer (*Sage UBS-Accounting Software System*) bagi memudahkan semua dokumentasi perakaunan direkod dan disimpan.

Dapatan dari kajian juga menunjukkan graduan responden dalam bidang landskap adalah paling ramai yang belum bekerja iaitu 46 orang (38%). Oleh kerana jumlah graduan landskap adalah yang paling ramai memberi maklumbalas, maka rekod dapatan bagi graduan yang bekerja dalam bidang dan bekerja bukan dalam bidang juga didahului

oleh graduan landskap. Graduan bidang landskap tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada organisasi atau syarikat-syarikat lain untuk mendapatkan pekerjaan. Pengetahuan dan latihan yang diperolehi boleh diguna pakai untuk bekerja sendiri atau menjadi perunding landskap kepada pihak lain. Ini kerana bidang landskap mempunyai potensi tinggi menjana pendapatan lumayan jika dikendalikan secara professional. Ini juga selaras dengan hasrat kerajaan melalui Dasar Landskap Negara yang bertujuan memacu Malaysia menjadi Negara Taman Terindah 2020; yang antara lain menetapkan 30% kawasan perancangan pembangunan perbandaran tempatan dikekalkan hijau dan memacu industri landskap negara bagi menjana pendapatan tinggi untuk rakyat (*Bernama*, 22 November 2016)

4.3.5 Taburan Status Pekerjaan Responden Graduan



Rajah 9: Taburan Status Pekerjaan Responden Graduan

Daripada maklumat status pekerjaan responden graduan dalam rajah di atas, didapati kebanyakan responden yang bekerja adalah berstatus 'tetap' iaitu seramai 147 orang (58%). Bagi status 'kontrak' 50 orang (20%) responden dilaporkan dan 'sementara' pula sebanyak 38 orang iaitu (15%). Dapatan kajian bagi responden graduan yang bekerja sendiri masih mencatatkan nilai yang kecil iaitu seramai 17 orang (7%). Dapatan ini menggambarkan responden graduan mempunyai trend untuk bekerja dengan organisasi lain berbanding bekerja sendiri.

4.4 KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Bahagian ini membincangkan objektif kedua kajian iaitu mengkaji kebolehpasaran graduan selepas tamat pengajian. Maklumat kebolehpasaran graduan dari perspektif majikan digunakan untuk menilai kebolehpasaran graduan UCAM. Bagi memudahkan proses menganalisa data kajian, penyelidik telah menggunakan interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Jamil Ahmad (2002) sebagai rujukan interpretasi skor min seperti dalam jadual 7 di bawah.

Skor Min	Aras Persetujuan	Tafsiran Min
1.00 – 2.33	Kurang setuju / kurang membantu / kurang mahir / kurang memenuhi / tidak pasti / kadang-kadang / tiada / sebahagian kecil	Rendah
2.34 – 3.67	Setuju / membantu / mahir/memenuhi / separuh	Sederhana
3.68 – 5.00	Sangat setuju / sangat membantu/sangat mahir / sangat memenuhi / sangat selalu / semua / sebahagian besar	Tinggi

Jadual 7: Tafsiran Skor Min Skala Likert

Maklumat kebolehpasaran diperolehi daripada dua perspektif iaitu responden graduan dan responden majikan. Maklumat kebolehpasaran dari responden majikan telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu maklumat kemahiran, pengetahuan dan kemahiran insaniah graduan UCAM yang bekerja dalam organisasi responden majikan. Maklumat kemahiran yang dinilai adalah seperti kemahiran mengurus maklumat, kemahiran menyampaikan maklumat, kemahiran membuat keputusan dan kemahiran menyelesaikan tugas mengikut perancangan. Maklumat pengetahuan graduan yang dinilai oleh responden majikan adalah seperti pengetahuan berkaitan tugas, pengetahuan teknikal dan asas berkaitan kerja serta kebolehan memberikan idea dan pandangan. Maklumat berkaitan kemahiran insaniah yang dilihat oleh responden majikan

adalah termasuk komunikasi, disiplin dan etika, kebolehan kerja berpasukan dan keupayaan bertindak balas.

4.4.1 Kemahiran Graduan

Adakah kemahiran graduan UCAM yang bekerja dalam organisasi tuan/puan memenuhi kriteria berikut:	Skor Purata
1.Kemahiran menguruskan maklumat	4.11
2.Kemahiran menyampaikan maklumat dengan berkesan	4.00
3.Kemahiran membuat keputusan	4.27
4.Dapat menyelesaikan tugas mengikut masa dan perancangan	4.07
5.Kemahiran memilih dan menggunakan peralatan/kaedah bersesuaian dalam tugas	4.23
Purata Keseluruhan	4.14

Jadual 8: Kemahiran graduan dari perspektif responden majikan

Berdasarkan jadual 8 dapatan kajian menunjukkan skor min keseluruhan bagi kemahiran graduan UCAM adalah tinggi iaitu 4.14. Kesemua kemahiran yang dinilai oleh responden majikan menunjukkan hasil nilai yang tinggi. Kemahiran membuat keputusan bagi graduan UCAM mencatatkan skor min yang paling tinggi berbanding kemahiran yang lain.

4.4.2 Pengetahuan

Adakah pengetahuan graduan UCAM yang bekerja dalam organisasi tuan/puan memenuhi kriteria berikut:	Skor Purata
1. Pengetahuan berkait dengan bidang tugas	4.43
2. Kemahiran teknikal berkait dengan keperluan kerja	4.14
3. Boleh mencari maklumat berkaitan tugas	4.12
4. Dapat memberikan idea dan pandangan apabila diperlukan	4.27
5. Boleh merancang dan melaksana tugas yang diberi	4.36
Purata Keseluruhan	4.26

Jadual 9: Tahap pengetahuan graduan dari perspektif majikan

Berdasarkan jadual 9, dapatan keseluruhan dari kajian menunjukkan pengetahuan graduan UCAM adalah tinggi iaitu 4.26. Pengetahuan graduan berkaitan bidang tugas mencatatkan skor min yang paling tinggi. Ini menunjukkan graduan telah dilengkapi dengan pengetahuan yang baik dan sesuai dengan bidang pengajian masing-masing apabila bergraduat.

4.4.3 Kemahiran Insaniah

Adakah kemahiran insaniah graduan UCAM yang bekerja dalam organisasi tuan/puan memenuhi kriteria berikut:	Skor Purata
1. Boleh berkomunikasi dengan baik	4.41
2. Berdisiplin dan beretika dalam melaksanakan tugas	4.39
3. Kebolehan dalam melaksanakan tugas	4.37
4. Boleh bekerja dalam pasukan	4.30
5. Boleh bertindakbalas secara positif terhadap kritikan dan pandangan	4.32
PURATA KESELURUHAN	4.36

Jadual 10: Kemahiran Insaniah graduan dari perspektif majikan

Berdasarkan dapatan hasil kajian dari jadual 10 menunjukkan kemahiran insaniah graduan dari perspektif responden majikan adalah tinggi iaitu skor min 4.36. Kesemua item kemahiran insaniah yang dinilai merekodkan keputusan skor min yang tinggi. Kemahiran komunikasi graduan menunjukkan skor min yang paling tinggi berbanding kemahiran insaniah yang lain iaitu dengan nilai skor min 4.41. Secara keseluruhannya didapati hasil analisis menunjukkan kebolehpasaran graduan UCAM dari perspektif majikan adalah tinggi seperti yang direkodkan dalam jadual 11 di bawah.

Pembolehubah	Skor Min Keseluruhan	Tafsiran Min Keseluruhan
Kemahiran	4.14	Tinggi
Pengetahuan	4.26	Tinggi
Kemahiran Insaniah	4.36	Tinggi

Jadual 11: Hasil analisis keseluruhan kebolehpasaran dari perspektif responden majikan

Kesemua skor purata keseluruhan kebolehpasaran responden graduan UCAM menunjukkan tahap yang tinggi. Ini menggambarkan graduan UCAM mempunyai keupayaan untuk mendapat pekerjaan di pasaran kerja setara dengan hasil analisis kebolehpasaran dari perspektif majikan yang menggambarkan graduan UCAM mempunyai ciri-ciri yang diperlukan oleh responden majikan dalam bidang pekerjaan. Walau bagaimanapun tempoh responden graduan mendapatkan pekerjaan dalam masa enam bulan selepas tamat pengajian mencatatkan nilai skor min sederhana iaitu 3.36. Ini disebabkan graduan mengambil masa untuk mencari peluang dan maklumat bersesuaian dengan pekerjaan yang sesuai dengan bidang masing-masing.

4.5 STRUKTUR PENGAJIAN

Bahagian ini membincangkan objektif ketiga kajian iaitu menganalisa adakah struktur pengajian yang ada yang memberi kesan langsung terhadap kebolehpasaran graduan. Struktur pengajian adalah sangat penting kerana ia menunjukkan laluan kerjaya seseorang graduan apabila tamat pengajian. Jadual 12 di bawah menunjukkan dapatan skor purata bagi struktur pengajian.

STRUKTUR PENGAJIAN	Min
1.Kandungan pengajian dalam program yang diambil bersesuaian	4.01
2.Aktiviti-aktiviti kokurikulum dijalankan sepanjang pengajian membantu meningkatkan pengetahuan dan pengalaman	3.83
3. Kemudahan prasarana pembelajaran disediakan sewajarnya	3.70
4.Pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar adalah baik dan bersesuaian	4.12
5. Kemahiran komunikasi diutamakan semasa pengajian	4.18
6. Kemahiran keusahawanan diterapkan kepada semua pelajar semasa pengajian	4.07
7. Latihan industri dan praktikal semasa pengajian banyak membantu saya dalam pekerjaan	3.98
Purata Keseluruhan	3.98

Jadual 12: Struktur pengajian dari perspektif responden graduan

Dapatan kajian menunjukkan kesemua item dalam struktur pengajian mendapat skor purata yang tinggi dengan jumlah purata keseluruhan skor struktur pengajian bagi program pengajian di UCAM adalah 3.98. Responden graduan memberi maklum balas skor min tertinggi bagi item kemahiran komunikasi diutamakan semasa pengajian. Ini menjelaskan bahawa program-program pengajian di UCAM sentiasa memastikan para graduan boleh berkomunikasi dengan baik.

		Skor kebolehpasaran	Skor Struktur pengajian
Skor kebolehpasaran	Pearson Correlation	1	.635**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	368	363
Skor Struktur pengajian	Pearson Correlation	.635**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	363	365

Jadual 13: Hubungan korelasi antara struktur pengajian dengan kebolehpasaran

Jadual 13 di atas menunjukkan analisis korelasi antara struktur pengajian dan kebolehpasaran. Daripada analisis korelasi yang dijalankan, didapati terdapatnya hubungan yang positif antara struktur pengajian dan kebolehpasaran. Ini bermakna struktur pengajian yang bagus akan memberi kesan yang baik kepada kebolehpasaran graduan.

BAB 5

CADANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

5.1 CADANGAN

5.1.1 Cadangan Responden Majikan

Hasil daripada maklumat kaji selidik yang dijalankan terhadap responden majikan, beberapa pandangan boleh diambil kira untuk meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan di pasaran kerja. Antaranya ialah

- a) Responden majikan mengesyorkan agar graduan diberikan latihan industri dan praktikal yang lebih lama agar kemahiran dan pengalaman graduan dapat ditingkatkan lagi. Ini kerana tempoh tiga hingga empat bulan yang diberikan adalah tidak mencukupi untuk graduan mempelajari pelbagai tugas dalam organisasi.
- b) Responden majikan juga mencadangkan agar lebih banyak hubungan dua hala antara industri dan pihak kolej universiti dibuat bagi mendedahkan keadaan dan permintaan semasa industri kepada pihak universiti dan seterusnya graduan. Ini dapat memberikan gambaran sebenar kepada graduan dan bukannya semata-mata bergantung kepada teori sahaja.

5.1.2 Cadangan Penyelidik

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa perkara perlu diperhalusi oleh UCAM untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan UCAM. Antaranya ialah

- a) Memastikan elemen keusahawanan diterap serta ditekankan secara praktikal semasa pengajian tanpa mengambilkira bidang pengajian masing-masing. Ini kerana dapatan kajian menunjukkan graduan yang bekerja sendiri adalah

sangat kecil iaitu 7 % berbanding graduan yang bekerja dengan organisasi lain. Hasrat Kementerian Pengajian Tinggi mahukan graduan-graduan menceburi bidang keusahawanan untuk menjana pendapatan disamping mewujudkan sendiri peluang-peluang pekerjaan. Ini secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kerja kepada pihak industri dan organisasi.

- b) Memastikan kemahiran insaniah (soft skill) yang lain dipertingkatkan lagi agar dapat menarik majikan untuk mengambil graduan UCAM bekerja dalam organisasi mereka. Kemahiran ini meliputi kemahiran etika dan professional yang melengkapi bidang pengajian masing-masing sebagai contoh Diploma Landskap dilengkapi dengan kursus Construction Industry Development Board (CIDB) untuk memberi nilai tambah kepada graduan landskap. Justeru itu Bahagian Hal Ehwal Akademik harus menilai dan merangka program-program seumpama ini supaya program pengajian dan latihan UCAM dapat memberi impak yang besar dan meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan-graduan UCAM.
- c) Mewujudkan pengkalan data pelajar akhir yang lengkap untuk membolehkan maklumat graduan boleh disalurkan kepada pihak industri dan agensi-agensi tertentu supaya graduan-graduan dapat diiklankan dengan lebih cepat dan berkesan kepada pasaran kerja. Kerjasama dengan agensi pemasaran boleh dilakukan dengan membuat hubungan dua hala yang boleh memberi faedah kepada graduan-graduan UCAM.
- d) Semakan kurikulum dilakukan dengan mendapatkan pandangan dan penglibatan panel industri dalam menambah baik program sedia ada dan program-program baru yang bakal dirangka dengan melihat kepada prospek semasa pasaran. Ini membolehkan maklumat-maklumat dapat disalurkan kepada pihak berkaitan.

- e) Mencadangkan agar UCAM dapat menjalankan kerjasama strategik dengan mana-mana organisasi berkaitan khususnya Anak Syarikat Milikan RISDA agar dapat menyediakan platform kerja kepada graduan-graduan UCAM yang telah bergraduasi. Ini secara tidak langsung memudahkan anak syarikat atau agensi berkaitan mendapatkan sumber modal insan yang terlatih. Selain itu kepada graduan UCAM ini sudah tentunya dapat mengurangkan persaingan dengan graduan – graduan institusi pengajian tinggi yang lain terutamanya dalam bidang pertanian dan lain-lain.

5.2 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya objektif kajian berjaya dipenuhi dengan kajian yang telah dilaksanakan ini. Objektif pertama kajian ialah mengkaji halatuju graduan selepas bergraduasi telah pun diterangkan dalam dapatan kajian. Hala tuju graduan selepas bergraduasi dilihat melalui tiga cabang utama laluan graduan iaitu bekerja, belum bekerja dan menyambung pengajian. Hasil kajian mendapati 68% responden bekerja, 11% menyambung pengajian dan baki 21% belum bekerja. Dapatan kajian ini menunjukkan sebahagian besar graduan mempunyai matlamat untuk bekerja selepas tamat pengajian. Ini adalah perkara biasa dan munasabah bagi seorang graduan yang telah menamatkan pengajian masing-masing. Memiliki kerjaya menjadi pilihan utama bagi graduan dalam memilih hala tuju masa hadapan.

Objektif kedua kajian pula ialah mengkaji kebolehpasaran graduan UCAM selepas tamat pengajian. Kebolehpasaran seseorang graduan adalah berbeza antara satu sama lain sama ada dari masa, keutamaan dan juga kesediaan graduan. Kecenderungan majikan untuk mengambil graduan bekerja pula bergantung kepada banyak faktor seperti kemahiran insaniah, kemahiran teknikal dalam pekerjaan dan pengetahuan graduan itu sendiri. Melalui maklumat hasil kajian ini didapati kebolehpasaran graduan UCAM adalah tinggi dan menepati kehendak majikan. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap kemahiran, pengetahuan dan kemahiran insaniah graduan UCAM adalah tinggi dan sesuai dengan keperluan pasaran kerja.

Objektif ketiga kajian ini adalah menganalisis adakah struktur pengajian memberi kesan langsung kepada kebolehpasaran graduan. Hasil kajian mendapati wujudnya hubungan yang positif antara struktur pengajian dan kebolehpasaran. Ini membawa maksud struktur pengajian yang bagus akan meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan selepas bergraduat.

5.3 PENUTUP

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa kajian kebolehpasaran dan hala tuju graduan ini dapat memberikan manfaat kepada UCAM dan juga RISDA dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran generasi anak pekebun kecil. Tanggungjawab sosial ini besar ertinya kepada keluarga pekebun kecil bagi memperbaiki taraf hidup mereka. Pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar secara amnya dapat mencapai objektif membangunkan modal insan masyarakat bandar dan luar bandar dalam meningkatkan kualiti hidup isirumah dan seterusnya mengurangkan kemiskinan tegar.

RUJUKAN

- Amla Mohd Salleh (2010). *Pendidikan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ahmad, S, Ali, N & Hamzah, M.F. (2011), *Kebolehpasaran Graduan UKM: Satu Kajian Perbandingan Antara Graduan Disiplin Sains dengan Bukan Sains*, Jurnal Personalia Pelajar, 14 (81 – 90)
- Bernama (2016). Bidang landskap, sektor pekerjaan yang berpotensi tinggi,
- Muhammad Hazrul Ismail (2012). *Kajian MengenaiKebolehpasaran Siswazahdi Malaysia: Tinjauan Dari Perspektif Majikan*, Prosiding PERKEM VII Jilid 2, (906-913)
- Jamil Ahmad (2002), *Pemupukan Budaya Penyelidikan Di Kalangan Guru Sekolah*. Satu Penilaian Tesis.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., (1970). *'Determining Sample Size for Research Activities'*. Educational and Psychological Measurement.
- Lim H.E, Mustafa M.M, (2013), "Effectiveness of Industrial Training in Improving Students Generic Skills", *International Journal of Business and Society*, Vol.14 No.3, 368-375
- Ministry of Higher Education Malaysia, (2012) *"The National Graduate Employability Blue Print 2012-2017."* Ministry of Higher Education Malaysia, University Putra Malaysia Press
- Mohd Yusof, H. (2014). *Penilaian Kemahiran Employabiliti dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Politeknik di Semenanjung Malaysia*. Thesis Doktor Falsafah: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Norliana Hashim, Chang Peng Kee, Mat Pauzi Abd.Rahman 2016. STOPS: Mengungkap Isu

Kebolehpasaran Graduan Di Malaysia. *Journal of Communication*, 32 (2) 2016: 139-164.

Nurkaliza Khalid, Noor Fadzilah Abdul Rahman, Rafiza Kasbun, 2016. Kemahiran Insaniah Pelajar Prasiswazah: Analisis Perbezaan Antara Tahun 2014 dan 2015. International Conference on Information Technology and Multimedia 2016 IC-ITM 2016 - <http://fstm.kuis.edu.my/icitm>

Rahmah, I., Ishak, Y., & Wei Sieng, L. (2011). Employers' perception on graduates in Malaysia Service Sector. *International Business Management*, 5(3): 184-193.

Rasul, M. S., Ismail, M. Y., Ismail, N., Rajuddin, M. R., & Rauf, R. A. A. (2010). Development of employability skills assessment tool for manufacturing industry. *Jurnal Mekanikal*, 30: 4-61.

Riam Chau Mai, 2012. 'Developing Soft Skills In Malaysian Polytechnic Students: Perspectives

Of Employers And Students', ISSN: 2186-845X ISSN: 2186-8441 Print Vol. 1. No. 2,

Asian Journal Of Management Sciences And Education

Shaharuddin Ahmad, Noraziah Ali, Mohd Fauzi Hamzah, 2011. Kebolehpasaran Graduan UKM: Satu Kajian Perbandingan Antara Graduan Disiplin sains dengan Bukan Sains. *Jurnal Personalia Pelajar*, (14):81-90.

Sharifah Hana Abd Rahman, Zaini Yusnita Mat Jusoh, Rabi'ah Muhammad Serji, Maffuza Salleh. (2015) Faktor-Faktor Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri Di Institut Pengajian Tinggi (Ipt): Satu Sorotan. E-Proceeding of

the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, iCASiC2015 (e-ISBN 978-967-0792-02-6), 9-10, Kuala Lumpur, Malaysia.

Siti Kausar Zakaria, Ruslin Amir. (2015) Kecerdasan Pelbagai Dan Kebolehpasaran Mahasiswa

Kursus Pengajian Islam. *Proceeding - Kuala Lumpur International Communication, Education, Language and Social Sciences 1 (KLICELLS 2), Kuala Lumpur, Malaysia*

Tom Bourner, Sue Greener dan Asher Rospigliosi (2011) Graduate employability and the propensity to learn in employment: a new vocationalism. *Higher Education Review*, Vol 43, No 3, 2011. ISSN 0018-1609.

Yojana Sharma, (2014) "Rising unemployment – Are there too many graduates?" Issue No: 307 University World News

Yusoff N.A, Mohd Fauzi S.N.F, Zainul Abidin.N and Awang. H, (2012) "Improving Graduates' Employability Skills through Industrial Training: Suggestions from Employers" *Journal of Education and Practice*, ISSN 2222-1735, Vol 4, No 4

Yulia Shumilova and Yuzhuo Cai, (2011) 'International Conference on Employability of Graduate and Higher Education Management System', University of Tampere, Vienna

Phoebe.W.K, (2010). "Determinants of Internship Effectiveness for University Students in Hong Kong." Hong Kong Baptist University

Zalizan Jelas & Norzaini Azman. 2006. Generic skills provision in high education. *International Journal of Learning* Vol. 12: 1447-1467

LAMPIRAN



BORANG SOAL SELIDIK MAJIKAN

EMPLOYER QUESTIONNAIRE

KAJIAN KEBOLEHPASARAN DAN HALA TUJU GRADUAN UCAM

PENGENALAN

INTRODUCTION

Borang soal selidik ini digunakan untuk membuat kajian kebolehpasaran dan hala tuju graduan UCAM selepas tamat pengajian. Objektif utama kajian adalah untuk mengkaji kebolehpasaran dan hala tuju selepas bergraduat. Selain dari itu kajian ini juga bertujuan mengenalpasti struktur pengajian sedia ada yang memberi kesan langsung kepada kebolehpasaran graduan. Segala maklumat yang diberikan dalam soal selidik ini adalah **SULIT** dan hanya digunakan untuk kajian semata-mata. Hasil kajian ini akan membantu UCAM meningkatkan kualiti pengajian dan latihan dan seterusnya melahirkan graduan yang berkebolehan. Pihak kami amat berbesar hati sekiranya tuan/puan dapat meluangkan masa untuk memberi maklumbalas berkaitan dengan kajian ini. Terdapat **EMPAT (4)** bahagian dalam soal selidik ini:

*This study is conducted to identify the future potential and employability of UCAM's graduates. Other than that the objective is also to identify the existence of curriculum structure that affects directly the employability of UCAM's graduates. All the information given is strictly **CONFIDENTIAL** and used for research purpose only. The results of this study can help UCAM to improve the quality of curriculum, in accordance with current market requirements thus contribute in producing competent graduates. We are grateful if you could spend your precious time to participate in this survey. There are **FOUR (4)** sections in this form*

Bahagian/ <i>Section A</i>	Latar Belakang Responden / <i>Respondent Background</i>
Bahagian/ <i>Section B</i>	Kemahiran Graduan / <i>Graduate Skills</i> Pengetahuan / <i>Knowledge</i> Kemahiran Insaniah / <i>Soft Skills</i>
Bahagian / <i>SectionC</i>	Cadangan / <i>Opinion</i>

Kerjasama tuan-tuan dan puan-puan menjawab soal selidik ini dengan ikhlas dan telus amatlah dihargai.

Your support is greatly appreciated and we would like to thank you in advance

Sekian, Terima Kasih.

Thank You

ARAHAN: Lengkapkan Borang Dan Tanda (√) Pada Ruangan Yang Disediakan

INSTRUCTION: Complete the Form and Tick (√) in the Space Provided

BAHAGIAN A: Latar Belakang Syarikat/Organization Background

1. Nama dan Alamat Organisasi/ *Name and Organization Address:*

.....
.....
.....

2. Status Organisasi : Swasta Kerajaan
Organizational status Private Government
Badan Berkanun Pihak Berkuasa Tempatan
Statutory Body Municipippal Council

3. Jenis Industri: Hartanah Teknologi
Types of industri: Property Technology
Perladangan Perdagangan dan Perkhidmatan
Plantation Trading and services
Pembinaan Pelancongan dan Hospitaliti
Construction Tourism & Hospitality
Barangan Industri Lain-lain (nyatakan)
Industrial Product Others

4. Bilangan graduan UCAM yang bekerja dalam organisasi tuan/puan:

.....
Number of UCAM's graduates currently employed in your organization:

5. Nama dan jawatan graduan UCAM yang bekerja dalam organisasi tuan/puan:

.....
Name and post of UCAM's graduate currently employed in your organization

6. Nama dan jawatan pegawai yang memberi maklumbalas dalam soal selidik:

.....
Name and post of officer involved in giving feedback

BAHAGIAN B: Maklumbalas Majikan Terhadap Kebolehpasaran Graduan UCAM
Employer Feedback Regarding Employability of UCAM Graduates

Skala:	1=Sangat rendah,	2=rendah,	3=sederhana,	4=tinggi,	5=Sangat
			tinggi		
Scale:	<i>Very Low</i>	<i>Low</i>	<i>Moderate</i>	<i>High</i>	<i>Very</i>
High					
1.Kemahiran	Tanda pada tempat yang sesuai				
Skills	Tick				
accordingly					
Adakah kemahiran graduan UCAM yang bekerja dalam organisasi tuan/puan memenuhi kriteria berikut: <i>Do UCAM graduates' skill employed in your organization fulfill the following criteria:</i>	1	2	3	4	5
1.Kemahiran menguruskan maklumat <i>Information management skills</i>					
2.Kemahiran menyampaikan maklumat dengan berkesan <i>Presenting information skilfully</i>					
3.Kemahiran membuat keputusan <i>Decision making skill</i>					
4.Dapat menyelesaikan tugas mengikut masa dan perancangan <i>Able to complete tasks based on time and planning</i>					
5. Kemahiran memilih dan menggunakan peralatan/kaedah bersesuaian dalam tugas <i>Skills in choosing and using appropriate tools/methods in job</i>					

2. Pengetahuan					
<i>Knowledge</i>					
	1	2	3	4	5
Adakah pengetahuan graduan UCAM yang bekerja dalam organisasi tuan/puan memenuhi kriteria berikut: <i>Do UCAM graduates' knowledge employed in your organization fulfill the following criteria:</i>					
1. Pengetahuan berkait dengan bidang tugas <i>Knowledge on job scope</i>					
2. Kemahiran teknikal berkait dengan keperluan kerja <i>Technical skill related with job requirement</i>					
3. Boleh mencari maklumat berkaitan tugas <i>Able to search information related to job</i>					
4. Dapat memberikan idea dan pandangan apabila diperlukan <i>Able to give ideas and opinion when needed</i>					
5. Boleh merancang dan melaksana tugas yang diberi <i>Able to plan and implement job given</i>					

3.Kemahiran Insaniah

Soft Skill

	1	2	3	4	5
Adakah kemahiran insaniah graduan UCAM yang bekerja dalam organisasi tuan/puan memenuhi kriteria berikut: <i>Do UCAM graduates' soft skills employed in your organization fulfill the following criteria:</i>					
1. Boleh berkomunikasi dengan baik <i>Good communication skills</i>					
2. Berdisiplin dan beretika dalam melaksanakan tugas <i>Discipline and ethical in work task</i>					
3. Kebolehan dalam melaksanakan tugas <i>Competent in work</i>					
4. Boleh bekerja dalam pasukan <i>Able to work in a team</i>					
5. Boleh bertindakbalas secara positif terhadap kritikan dan pandangan <i>Able to response positively on opinion and criticize</i>					

C1. Jika ada kekosongan, bersediakah tuan/puan mengambil graduan UCAM bekerja di organisasi ini pada masa hadapan?

If there is any vacancy, would you like to employ UCAM graduates in the future?

- Ya / *Yes*
- Tidak / *No*

Mengapa/*Why?*.....
.....

C2. Cadangan bagaimana UCAM dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan-graduan dalam pasaran pekerjaan.

Your opinion on how UCAM can increase the employability of the graduates in the market.

.....
.....
.....

Terima Kasih / *Thank You*



BORANG SOAL SELIDIK GRADUAN

KAJIAN KEBOLEHPASARAN DAN HALA TUJU GRADUAN UCAM

PENGENALAN

Borang soal selidik ini digunakan untuk membuat kajian kebolehpasaran dan hala tuju graduan UCAM selepas tamat pengajian. Objektif utama kajian adalah untuk mengkaji kebolehpasaran dan hala tuju selepas bergraduasi. Selain dari itu kajian ini juga bertujuan mengenalpasti struktur pengajian sedia ada yang memberi kesan langsung kepada kebolehpasaran graduan. Segala maklumat yang diberikan dalam soal selidik ini adalah **SULIT** dan hanya digunakan untuk tinjauan kajian semata-mata.

Terdapat **EMPAT (4)** bahagian dalam soal selidik ini:

Bahagian A	Latar Belakang Responden
Bahagian B	Kebolehpasaran
Bahagian C	Struktur Pengajian
Bahagian D	Kemahiran Insaniah

Kerjasama tuan-tuan dan puan-puan menjawab soal selidik ini dengan ikhlas dan telus amatlah dihargai.

Sekian, Terima Kasih.

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN

Arahan : Bahagian ini merupakan soal selidik mengenai latar belakang anda.

Sila isikan tempat kosong dan tandakan (√) pada ruang yang disediakan .

Nama: Alamat:

.....

.....

Tahun Bergraduat: No Telefon : E-Mel:

.....

1. Jantina : Lelaki Perempuan

2. Bangsa : Melayu India Cina
lain-lain

(nyatakan.....)

3. Tempat tinggal: Luar Bandar Bandar

Anak Pekebun Kecil: Ya Tidak

4. Kelayakan Akademik Sijil Dipl Ijazah

5. Bidang Pengajian: Perniagaan Perakaunan

Landskap

Pertanian Perladangan Komputer

6. Purata Gred Terkumpul: 2.00-2.49 2.50-2.99 3.00-3.49
 3.50-4.00

7. Maklumat pekerjaan : Bekerja dalam bidang pengajian
 Belum Bekerja
- Bekerja bukan dalam bidang pengajian
 Sambung Pengajian

8. Status pekerjaan (*Sekiranya bekerja*):

- Tetap Kontrak
 Sementara
 Bekerja sendiri

9. Pendapatan kasar bulanan: Kurang daripada RM1200 RM1201 -2500
- Lebih daripada RM2500

10. Nama dan alamat majikan :

Arahan : Bahagian ini merupakan soal selidik mengenai kebolehpasaran , struktur pengajian dan kemahiran insaniah.

- a. Sila baca dengan teliti setiap pernyataan di bawah.
- b. Pada setiap pernyataan, tandakan (\surd) pada ruang yang disediakan yang paling sesuai dengan diri anda mengikut skala di bawah ini :

1 = Sangat Tidak Setuju (STS)

2 = Tidak Setuju (TS)

3 = Neutral (N)

4 = Setuju (S)

5 = Sangat Setuju (SS)

BAHAGIAN B: KEBOLEHPASARAN	1	2	3	4	5
1. Saya bersedia menerima jawatan dalam bidang yang saya ambil					
2. Saya mendapat pekerjaan dalam masa 6 bulan selepas tamat pengajian					
3. Keputusan akademik yang baik akan membantu saya mendapat pekerjaan					
4. Kelayakan akademik saya pada masa kini memudahkan mendapat pekerjaan					
5. Program yang saya ambil menyediakan saya untuk bersaing di alam pekerjaan					
6. Saya pernah menghadiri kursus-kursus luar dari bidang pengajian untuk menambah pengetahuan dan kemahiran					
7. Kursus-kursus yang saya hadiri semasa pengajian dapat membantu saya dalam pekerjaan					

BAHAGIAN C: STRUKTUR PENGAJIAN	1	2	3	4	5
1. Kandungan pengajian dalam program yang diambil bersesuaian					
2. Aktiviti-aktiviti kokurikulum dijalankan sepanjang pengajian membantu meningkatkan pengetahuan dan pengalaman					
3. Kemudahan prasarana pembelajaran disediakan sewajarnya					
4. Pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar adalah baik dan bersesuaian					
5. Kemahiran komunikasi diutamakan semasa pengajian					
6. Kemahiran keusahawanan diterapkan kepada semua pelajar semasa pengajian					
7. Latihan industri dan praktikal semasa pengajian banyak membantu saya dalam pekerjaan					

BAHAGIAN D: KEMAHIRAN INSANIAH	1	2	3	4	5
D1. Sahsiah Diri (<i>Interpersonal skill</i>)					
1. Saya membantu yang lain dalam mencari persefahaman diantara pelbagai pendapat yang berbeza					
2. Saya memastikan kerja /tugasan disiapkan sebelum tarikh akhir penghantaran					
3. Saya selalu bermotivasi dalam melakukan tugas dan kerja-kerja yang diberi					
4. Saya boleh memberi pendapat dan cuba berdebat dengan logik bersama kawan-kawan					
5. Saya akan menghadiri seminar/kursus/pameran jika ia dapat meningkatkan peluang saya dalam kerjaya					
6. Saya membuat perancangan tentang apa yang sepatutnya dilakukan dalam tugas					
7. Saya akan mencuba pelbagai cara untuk membantu saya mencapai matlamat dalam Kerjaya					

D2. Kemahiran Komunikasi	1	2	3	4	5
1. Saya boleh menyampaikan idea dengan jelas sama ada secara lisan atau penulisan					
2. Saya boleh bertutur dan menulis dengan baik dalam bahasa Inggeris					
3. Saya boleh berinteraksi dengan kawan-kawan dan orang lain walaupun berbeza bidang					
4. Saya boleh bekerja dalam situasi perbezaan umur tanpa mengambilkira jantina, bangsa dan agama atau perbezaan politik					
5. Saya boleh mendengar pandangan serta mengikut arahan orang lain					
6. Saya boleh bekerjasama dengan baik dalam satu pasukan					
7. Saya yakin dengan kemampuan saya berbicara tentang idea, isu-isu dan masalah dengan orang lain					
D3. Kemahiran Maklumat dan Teknologi	1	2	3	4	5
1. Saya selalu berusaha mencari panduan atau objektif yang jelas apabila melakukan kerja					
2. Saya boleh mengendalikan tugas dan tanggungjawab yang diberikan					
3. Saya mempunyai pengetahuan yang cukup untuk menggunakan peralatan yang sesuai dengan tugas yang diberi					
4. Saya boleh mempersembahkan data dan maklumat dengan cara yang berkesan					
5. Saya boleh menggunakan komputer dan perisian yang sesuai untuk menguruskan data dan maklumat					
6. Saya boleh menggunakan pengetahuan yang dipelajari dalam tugas dan kerja harian					
7. Pengetahuan teknikal dan maklumat yang dipelajari sangat membantu dalam melaksanakan tugas harian					
D4. Kemahiran Intelek	1	2	3	4	5
1. Saya boleh mencari penyelesaian kepada persoalan-persoalan yang timbul berkaitan kerja					
2. Saya selalu menimbang kesahihan maklumat sebelum membuat sesuatu keputusan					

3. Saya akan mencari alternatif lain dalam menyelesaikan tugas yang diberi					
4. Saya sentiasa memikirkan jangkaan masalah atau faedah akan datang dalam setiap tugas					
5. Saya sentiasa bertanggungjawab terhadap tindakan dan keputusan yang diambil					
6. Saya boleh memberi pendapat berdasarkan data dan maklumat yang ada					
7. Saya boleh memahami dan mengaplikasi kaedah yang sesuai untuk menyelesaikan satu permasalahan					

Terima Kasih